



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9 (62)
Tarikh : 18 Mac 2024

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2024

PELAKSANAAN NORMA BAHARU GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH
RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Program j-QAF di sekolah rendah terdiri daripada pelbagai jawatan guru seperti Guru Penolong Agama (GPA), Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK), Guru j-QAF (GJQ), Guru j-QAF Khas (GJQK) dan Guru Tambahan Pendidikan Islam (GTPI). Norma baharu Guru Pendidikan Islam (GPI) telah diluluskan melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 12 September 2013.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 28 Tahun 2023 bertarikh 26 Oktober 2023 telah memutuskan untuk menambah baik Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015: Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan laporan pemeriksaan pelaksanaan norma baharu GPI sekolah rendah oleh Jemaah Nazir.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan norma baharu GPI bagi sekolah rendah KPM mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- 4.1 Norma yang berasingan daripada norma Guru Akademik sekolah rendah, Guru Bahasa Arab (GBA) dan Guru Pendidikan Moral.
- 4.2 Pemansuhan pelbagai gelaran jawatan bagi guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah seperti GPA, GPIK, GJQ, GJQK, GTPI dan digantikan dengan gelaran jawatan GPI.
- 4.3 Keperluan guru dikira berasaskan jenis sekolah, bilangan kelas dan bilangan murid Islam.
- 4.4 Pelaksanaan Tasmik bagi setiap kelas diambil kira sebagai waktu mengajar rasmi guru.
- 4.5 Memastikan setiap sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu orang murid Islam layak menerima seorang GPI.

5. Pelaksanaan norma baharu ini akan mengasingkan pengiraan keperluan GBA sedia ada daripada kelompok GPA dan GJQ. Pengiraan baharu keperluan GBA hendaklah dikira bersama-sama dengan keperluan Guru Akademik sekolah rendah bagi aliran perdana dan pendidikan khas.
6. Penentuan opsyen GPI dan GBA akan merujuk kepada opsyen pertama kelayakan ikhtisas tertinggi guru.
7. GPI bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara seperti yang berikut:
 - 7.1 Mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan Pendidikan Islam Prasekolah.
 - 7.2 Melaksanakan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik dengan menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* serta diajar secara kolaboratif seperti dalam Lampiran.
 - 7.3 Melaksanakan kokurikulum dan koakademik mata pelajaran Pendidikan Islam, model Program j-QAF serta program dakwah di sekolah termasuk Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).
8. GBA bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara seperti yang berikut:
 - 8.1 Mengajar mata pelajaran Bahasa Arab sekolah rendah.
 - 8.2 Melaksanakan kokurikulum dan koakademik mata pelajaran Bahasa Arab termasuk program dakwah di sekolah.
 - 8.3 Mengajar dan melaksanakan program tambahan di kelas PPKI.

TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015: Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 4 Februari 2015 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah rendah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

1. KONSEP KOLABORATIF MODEL KHATAM AL-QURAN DAN MODEL TSMIK BAGI PELAKSANAAN PROGRAM j-QAF DI ALIRAN PERDANA

TAHUN 1 – TAHUN 6			
BIL. MURID ISLAM	Model Khatam Al-Quran		Model Tasmik (60 minit)
	(90 minit)		
1 - 14 orang/kelas	1 guru		
15 - 29 orang/kelas	2 guru		
30 - 49 orang/kelas	3 guru		

2. KONSEP KOLABORATIF MODEL KHATAM AL-QURAN DAN MODEL TSMIK BAGI PELAKSANAAN PROGRAM j-QAF DI ALIRAN PERDANA (SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN)

TAHUN 1 – TAHUN 6			
BIL. MURID ISLAM	Model Khatam Al-Quran		Model Tasmik (60 minit)
	Tahap 1 (60 minit)	Tahap 2 (90 minit)	
1 - 14 orang/kelas	1 guru		
15 - 29 orang/kelas	2 guru		
30 - 49 orang/kelas	3 guru		

3. KONSEP KOLABORATIF MODEL KHATAM AL-QURAN DAN MODEL AMALI SOLAT BAGI PELAKSANAAN PROGRAM j-QAF DI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS DAN KELAS PPKI

TAHUN 1 – TAHUN 6	MASALAH PEMBELAJARAN/ KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN/ KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN	
BIL. MURID ISLAM	Model Khatam Al-Quran (90 minit)	Model Amali Solat (30 minit)
1 - 3 orang/kelas	1 guru	1 guru
4 - 7 orang/kelas	2 guru	2 guru